

Harapan taekwondo berkecai

Nay Pyi Taw: Harapan menambah koleksi pingat sekurang-kurangnya gangsa berkubur pada hari terakhir pertandingan taekwondo pada temasya Sukan SEA semalam.

Dua wakil negara, T Shakila Dharshini (wanita bawah 46kg) dan Lai Teik Woon (lelaki bawah 54kg) dikecewakan lawan masing-masing seawal pusingan pertama di Stadium Tertutup Wunna Theikdi.

Shakila kecundang 0-17

kepada pemenang pingat perak Sukan Belia Asia, Panipak Wongpattanakit dari Thailand manakala Teik

Woon tersingkir di tangan Aggieseytyan Prasbowo dari Indonesia 0-3.

Kegagalan meneruskan kemaraan sekurang-kurangnya ke separuh akhir nyata amat mengecewakan

buat Teik Woon, 22, yang memenangi pingat perak kejohanan Universiti Asia di Korea Oktober lalu selain gangsa Sukan Perpaduan Islam di Palembang

(Oktober) dan perak pra Sukan SEA (November).

"Saya amat kecewa dan sedih kerana gagal melepasi perlawanan pertama saya di sini. Selepas meraih perak pada kejohanan pra Sukan SEA, saya yakin untuk meraih sesuatu di Nay Pyi Taw," kata Teik Woon, yang menuntut dalam jurusan ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Shakila, 21, pula jelas bermasalah menentang Panipak yang terlalu tinggi berbandingnya.

"Saya tidaklah gementar bila turun ke gelanggang tapi lawan saya memang terlalu hebat," katanya yang hanya mempunyai ketinggian 1.60 meter.

"Saya tidaklah gementar bila turun ke gelanggang tapi lawan saya memang terlalu hebat"

Lai Teik Woon